

# Ku Li saran tumpu usaha penuh stabilkan ekonomi

**Kuala Lumpur:** Veteran politik, Tengku Razaleigh Hamzah, menyarankan Kerajaan Perpaduan memberi tumpuan penuh kepada usaha mengembalikan kestabilan ekonomi yang ketika ini terus menekan rakyat.

Bekas Menteri Kewangan yang

turut dikenali sebagai Ku Li, menyifatkan punca utama ekonomi negara makin meruncing adalah disebabkan kemerosotan daya pengeluaran negara.

“Puncanya pada saya adalah disebabkan daya pengeluaran negara (yang lemah), yang mem-

bawa kepada tekanan inflasi. Kita banyak bergantung kepada import, sekiranya barangan yang diimport dapat dikurangkan, mungkin ia dapat redakan sedikit tekanan.

“Selain itu, soal gaji dan upah turut perlu (diberi perhatian). Jika kita dapat kurangkan guna tenaga dibayar dengan upah rendah dari negara jiran (pekerja asing), mungkin gaji (pekerja tempatan) dapat dinaikkan,” katanya pada acara dialog ‘Sebenar di Sebalik Ku Li: Memoir 205’ sempena Pesta Buku Antara-bangsa Kuala Lumpur (PBAKL) di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, semalam.

Tengku Razaleigh turut diminta mengulas sama ada rasionalisasi subsidi diesel diumumkan kerajaan berhasil memberi impak positif kepada ekonomi negara, di tengah-tengah kebimbangan bahawa keputusan itu mungkin akan menyebabkan rakyat terus terbeban dengan kenaikan harga barang.

Katanya, reformasi ekonomi perlu dilakukan bukan hanya pada peringkat kerajaan, tetapi menyeluruh, termasuk sektor swasta.

“Ini perlu dilakukan supaya kita dapat lebarkan pengedaran



Tengku Razaleigh (dua dari kiri) pada acara dialog ‘Sebenar di Sebalik Ku Li: Memoir 205’ sempena PBAKL, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

wang kepada seluruh rakyat, bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi. Melaluinya, saya rasa kita boleh betulkan (isu) kadar tukaran tukaran wang yang sedang dihadapi sekarang.

“Ringgit Malaysia (RM) jatuh teruk sekali, saya rasa itu pun perlu (tindakan) segera pemerintah. Ini bukan sesuatu yang mudah dilakukan, tetapi mesti dilakukan sekarang,” katanya.

Beliau bagaimanapun turut memuji usaha penyasaran semula subsidi yang diperkenalkan kerajaan dan menyifatkan ia sebagai satu ‘jalan keluar’ bagi mengelakkan tanggungan hutang lebih besar.

“Saya rasa apa dilakukan kerajaan ini amat terpuji dalam keadaan ekonomi kita amat te-

nat. Hutang kita banyak, liabiliti kita dari segi jaminan untuk pinjaman yang dibuat kerajaan, badan berkanun dan syarikat besar adalah banyak.

“Oleh kerana subsidi begitu banyak diberikan kerajaan dan kebanyakan (subsidi) ini bocor tak dapat dinikmati golongan sepatutnya, jadi wajarlah kerajaan cari jalan supaya yang patut menikmati, dapat merasai manfaatnya. Apa yang berlaku selama ini, akibat ‘kebocoran subsidi’, ia dinikmati rata-rata orang luar dari negara kita.

“Saya rasa ia bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan tetapi niat dan usaha ditunjukkan pemerintah pada masa ini baik. sama ada berjaya atau idak, kita tengoklah (nanti),” katanya.